

# DBKL beri sumbangan ihsan RM30,000

Sumbangan kepada keluarga Vijaya Lakshmi turut diterima daripada pihak korporat

**KUALA LUMPUR**



**K**eluarga G Vijaya Lakshmi, rakyat India yang hilang dalam insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, di sini dua minggu lalu menerima sumbangan ihsan RM30,000 daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum berlepas ke tanah air mereka pada 1 September lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif ketika dihubungi Awani memberitahu, wang tersebut diserahkan secara tunai kepada keluarga mangsa sehari selepas kerajaan mengambil keputusan untuk menamatkan operasi mencari dan menyelamat (SAR).

“Ingin saya jelaskan di sini, ini bukan pampasan. Ini adalah sumbangan ihsan daripada DBKL

kepada keluarga mangsa,” katanya di sini pada Jumaat.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa ketika dihubungi memberitahu, mangsa diberi sumbangan daripada DBKL dan korporat.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, cadangan pemberian pampasan kepada keluarga mangsa akan dibincangkan mesyuarat Jemaah Menteri.

Menurutnya, kerajaan sedia mempertimbangkan pampasan kepada keluarga mangsa yang hilang dalam kejadian tanah jerlus itu.

Sementara itu, Maimunah berkata, DBKL memberi jaminan keseluruhan kawasan Jalan Masjid India selamat untuk dikunjungi dan tiada gerai atau bangunan yang diarahkan untuk menutup operasi.

Menurutnya, ketika ini kawasan yang ditutup dengan penghadang



**MAIMUNAH**

hanya melibatkan laluan sepanjang kira-kira 200 meter dari Wisma Yakin ke pondok polis bagi memberi laluan kepada kerja pemuliharaan dan pembinaan di lokasi insiden tanah jerlus.

“Orang ramai masih boleh datang berkunjung mengikut laluan pejalan kaki.

“Kita juga telah berjumpa dengan peniaga

di kawasan Jalan Masjid India pada Khamis dan beri pengesahan kawasan itu selamat, cuma dilarang menghampiri kawasan yang ditutup dengan penghadang sahaja,” katanya selepas hadir merasmikan Festival Amboi di Menara TRX, di sini pada Jumaat.

Pada 23 Ogos lalu wanita berusia 48 tahun berasal dari Kuppam, Andhra Pradesh, India itu hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter di Jalan Masjid India.

Sembilan hari kemudian, selepas mendapat pandangan daripada sudut pakar, kerajaan memutuskan untuk menamatkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) selama sembilan hari. - Awani